

## USCIRF–RECOMMENDED FOR SPECIAL WATCH LIST

Suruhanjaya Antarabangsa A.S. mengenai Kebebasan Beragama (USCIRF) merupakan suruhanjaya bebas, kerajaan persekutuan A.S. dwipemihak yang memantau hak kebebasan sejagat dalam kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara. Dicipta oleh Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA) pada 1998, USCIRF, menggunakan standard antarabangsa dalam memantau pelanggaran kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara dan menyediakan cadangan dasar kepada presiden, setiausaha negara dan Kongres. USCIRF adalah entiti bebas yang berasingan dan berbeza daripada Jabatan Negara A.S. Laporan Tahunan 2020 mewakili kemuncak kerja setahun oleh Pesuruhjaya dan kakitangan profesional untuk mendokumentasikan penyalahgunaan di lapangan dan membuat cadangan dasar bebas kepada kerajaan A.S. Laporan Tahunan 2020 merangkumi tempoh dari Januari 2019 hingga Disember 2019, walaupun dalam beberapa kes peristiwa penting yang disebutkan berlaku sebelum atau selepas jangka masa ini. Maklumat lanjut berkenaan USCIRF, boleh dilihat dari laman sesawang [di sini](#), atau hubungi USCIRF secara terus di 202-523-3240.

### PENEMUAN UTAMA

Pada tahun 2019, keadaan kebebasan beragama di Malaysia sekali lagi menunjukkan trend negatif, sama seperti pada tahun 2018. Keadaan bagi penganut kepercayaan minoriti serta bagi masyarakat Islam Sunni yang menjadi majoriti tidak berkembang atau dalam kes tertentu menjadi bertambah buruk. Majoriti masyarakat Islam Sunni perlu mematuhi dengan ketat, interpretasi Islam yang diluluskan oleh negara yang meninggalkan ruang kebebasan terhad untuk mempraktikkan kepercayaan mengikut kesedaran mereka. Contohnya, pada bulan Disember 2019, [enam orang lelaki](#) di negeri Terengganu dijatuhi hukuman penjara satu bulan dan denda berjumlah \$575 hingga \$600 kerana tidak menghadiri solat Jumaat. Pada bulan April 2019, pihak berkuasa yang berkaitan dengan pihak berkuasa agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), [membuka siasatan](#) tentang tiga orang wanita Islam Sunni yang mengadakan perbincangan tentang keputusan mereka untuk berhenti memakai hijab. Selain itu, semua pelajar Islam diwajibkan mengikuti kelas agama. Dalam Tingkatan 5 (untuk umur 16-17 tahun), buku teks agama mengutuk aliran Islam selain Sunni. Khutbah yang dikeluarkan oleh kerajaan pada setiap hari Jumaat sering kali memberi penganut agama Islam amaran tentang aliran yang “terpesong” ini dan ancaman mereka terhadap Islam.

Gabungan etnik Melayu dan agama Islam terus mencabuli hak asasi individu Melayu. Mengikut sejarah, mahkamah Syariah agama telah mengisytiharkan beberapa kumpulan Islam minoriti sebagai bukan Islam, yang terus mewujudkan kesamaran bagi orang Melayu yang berpegang pada aliran Islam yang secara rasminya “terpesong”. Pada tahun 2019, masyarakat Islam Syiah terus [dimusuhi](#) dan [ditahan oleh kerajaan](#), mencetuskan [ketakutan](#) terhadap tindakan pihak berkuasa yang semakin keras. Sekurang-kurangnya 50 ahli komuniti Milah Abraham menghadapi perbicaraan yang sedang berlangsung di mahkamah Syariah kerana aktiviti kepercayaan mereka. Pada bulan Mei, terdapat laporan bahawa pihak berkuasa agama telah menyerbu bangunan keagamaan Ahmadiyya. Pihak

berkuasa agama [mewajarkan](#) ancaman mereka terhadap komuniti Islam Ahmadiyya atas dasar bahawa mereka berdaftar sebagai penganut agama Islam pada kad pengenalan mereka.

Pada bulan Ogos 2019, dewan undangan negeri Sabah [meluluskan](#) rang undang-undang yang meminda Seksyen 52 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, yang secara rasmi mentafsirkan Islam sebagai Islam Sunni dan menganggap tafsiran alternatif sebagai jenayah. Rang undang-undang ini menambah Seksyen 52A, yang melarang perkongsian dengan penganut agama Islam sebarang doktrin agama atau kepercayaan yang tidak mengikut versi kepercayaan yang ditaja oleh kerajaan, dengan hukuman sehingga dua tahun penjara dan/atau denda maksimum 3,000 ringgit Malaysia. Rang undang-undang ini [mula berkuat kuasa](#) pada 9 September. Pihak berkuasa mendakwa rang undang-undang ini tidak disasarkan kepada penganut agama bukan Islam seperti penganut agama Buddha atau Kristian, yang telah menyuarakan kebimbangan tentang rang undang-undang ini, tetapi kepada amalan Islam yang “terpesong”, termasuk semua kumpulan kepercayaan Islam bukan Sunni.

Sepanjang 2019, komuniti bukan Islam, seperti komuniti Buddha, Kristian dan Hindu melaporkan mereka merasakan bahawa ketegangan dan permusuhan sosial semakin meningkat. Pada bulan September, arahan yang [dikeluarkan](#) oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Persekutuan, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, menghalang doa antara agama bagi penganut agama Islam dalam acara yang melibatkan kedua-dua penganut agama Islam dan bukan Islam. Dalam perkembangan positif, pada bulan Jun 2019, kerajaan telah menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat [kehilangan paksa](#) dua ketua agama minoriti yang terkenal. Walau bagaimanapun, kedudukan pastor Kristian Raymond Koh dan aktivis sosial yang bertukar haluan kepada aliran Syiah Amri Che Mat, serta Pastor Joshua Hilmy dan isterinya, masih tidak diketahui di akhir tempoh pelaporan.

## CADANGAN KEPADA KERAJAAN A.S.

- Masukkan Malaysia dalam Senarai Perhatian Khas Jabatan Negara A.S. kerana terlibat dalam atau bertoleransi dengan pelanggaran yang serius ke atas kebebasan beragama menurut Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA);
- Sebagai sebahagian daripada sokongan A.S. untuk membina kapasiti untuk penguatkuasaan undang-undang Malaysia, membiayai dan melaksanakan latihan tentang kepolisan berasaskan komuniti antara Jabatan Keadilan A.S. dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dengan rakan mereka di Malaysia untuk menggalakkan perkongsian amalan yang lebih baik dalam interaksi dengan komuniti kepercayaan dan melindungi rumah ibadat dan tapak keagamaan lain; dan
- Mengembangkan Program Pelawat Antarabangsa (IVLP) untuk turut membawa peguam dan aktivis hak asasi manusia Malaysia ke Amerika Syarikat.

## SUMBER & AKTIVITI UTAMA USCIRF

- **Lawatan kakitangan:** Kuala Lumpur pada bulan Februari 2020
- **Helaian fakta:** [Kehilangan Paksa di Malaysia](#)

## Latar Belakang

Malaysia ialah masyarakat yang sangat plural. Kira-kira [61.3 peratus](#) daripada populasinya mengaku sebagai penganut agama Islam, majoriti besarnya ialah pengikut aliran Sunni yang ditaja oleh kerajaan. Penganut Buddha terdiri daripada 19.8 peratus; 9.2 peratus ialah penganut Kristian; penganut Hindu 6.3 peratus; penganut Confucianisme, Taoisme dan agama Cina tradisional lain 1.3 peratus dan kira-kira 0.8 peratus mengaitkan diri dengan komuniti tanpa kepercayaan. Walaupun Malaysia diasaskan sebagai sebuah negara sekular, artikel 3 perlembagaan 1957 meletakkan Islam—yang ditafsirkan sebagai Islam Sunni—sebagai agama rasmi persekutuan. Artikel 160 perlembagaan mengaitkan identiti etnik Melayu dengan identiti agama Islam.

Pakatan pemerintah pada tahun 2019, Pakatan Harapan (PH), yang mula mendapat kuasa pada bulan Mei 2018, berikrar untuk menyokong beberapa pembaharuan yang sebahagian besarnya tidak menjadi kenyataan, termasuk ratifikasi perjanjian hak asasi manusia antarabangsa tertentu. Perdana Menteri pada masa itu Mahathir Mohamad mempunyai [sejarah](#) kata-kata antiSemitik. Parti pembangkang pada masa itu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se Malaysia (PAS) [bersetuju](#) pada tahun 2019 untuk bekerjasama atas perkongsian persepsi mereka bahawa PH mencabar kekuasaan Islam dan etnik Melayu. Retorik ini menggalakkan sentimen popular yang sememangnya memecahbelahkan pada peringkat tempatan dan kebangsaan. Pada akhir musim panas, satu kempen media sosial [mengajak](#) penganut agama Islam untuk memboikot barangan penganut agama bukan Islam. Pada 3 Disember, Ahli Parlimen (YB) UMNO Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman menggunakan [hinaan](#) berbau agama untuk mencemuh ahli parlimen daripada komuniti kepercayaan Hindu. Ini menyebabkan kekecohan berlaku di parlimen yang berakhir dengan speaker parlimen

menggantungi YB Rahman selama dua hari. Pemimpin agama Kristian [bersuara](#) menentang taktik UMNO dan PAS yang menggambarkan agama Kristian sebagai ancaman terhadap majoriti penganut Islam. Pada bulan Disember, kerajaan Malaysia mengadakan sidang kemuncak negara Islam yang turut melibatkan Iran dan Turki yang membincangkan isu yang dihadapi oleh dunia Islam. Pada bulan Februari 2020, selepas tempoh pelaporan, Perdana Menteri pada masa itu Mahathir meletak jawatan dan digantikan oleh Perdana Menteri Muhyiddin Yassin, yang mendapat sokongan UMNO dan PAS.

## Kawalan Kerajaan ke atas Islam

Kerajaan mengawal hal ehwal dalaman penganut agama Islam, termasuk dengan membiayai masjid dan memberikan tajuk perbincangan yang telah diluluskan terlebih dahulu kepada imam. Imam diberi gaji di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam persekutuan (JAKIM). Pada tahun 2019, kerajaan terus [memeriksa](#) semua mubaligh asing, menyekat mubaligh bukan Islam dan Islam yang dianggap “terpesong”.

Pada tahun 2017, kerajaan persekutuan Malaysia menentukan bahawa ateisme adalah tidak mengikut perlembagaan. Individu yang tidak beragama terus menghadapi [gangguan daripada masyarakat](#) dan secara rasmi. Bagi individu daripada etnik Melayu yang mengaku tidak beragama, mereka menghadapi risiko dakwaan jenayah kerana murtad. Sekurang-kurangnya enam negeri—Perak, Melaka, Sabah, Pahang, Kelantan dan Terengganu—menganggap murtad sebagai jenayah dengan hukuman denda, pemenjaraan dan/atau penahanan di “pusat pemulihan.” Walaupun tidak dikuatkuasakan, hukuman maksimum untuk murtad di Kelantan dan Terengganu ialah hukuman mati.

Dari segi undang-undang semua warga negara Malaysia yang melebihi umur 12 tahun perlu membawa kad pengenalan diri kebangsaan, yang mengenal pasti kepercayaan mereka. Kad penganut agama Islam menyatakan kepercayaan mereka secara bercetak, manakala kepercayaan lain tersulit dalam jalur pintar kad dan hanya diakses secara elektronik. Walaupun kemampuan untuk bertukar kepercayaan adalah terhad untuk sebarang pertukaran di luar agama Islam, beberapa individu telah [diberikan hak tersebut](#) tetapi hanya selepas membawa kes mereka ke Mahkamah Tinggi.

## Sistem Dwiundang-undang

Malaysia mengekalkan sistem dua mahkamah yang bebas tetapi setara: sekular dan agama. Penganut agama Islam tertakluk kepada kedua-dua undang-undang umum yang digubal oleh parlimen dan undang-undang agama yang digubal oleh badan perundangan negeri mereka. Umur sah berkahwin bagi kanak-kanak [berbeza](#) di setiap negeri antara orang Islam dengan orang bukan Islam, dengan umur yang lebih muda dan perlindungan yang lebih sedikit bagi kanak-kanak Islam. Perkahwinan antara penganut agama Islam dan bukan Islam tetap menyalahi undang-undang kecuali pasangan yang bukan beragama Islam bertukar kepada agama Islam.

Pada tahun 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengeluarkan *fatwa* (edik keagamaan) yang mengisytiharkan organisasi masyarakat sivil Sisters in Islam (SIS) sebagai kumpulan yang terpesong. *Fatwa* yang dikeluarkan oleh institusi agama negeri boleh digunakan untuk merampas dokumen dan menghalang aktiviti organisasi. Pada bulan Ogos 2019, Mahkamah Tinggi [menolak](#) kes kumpulan tersebut untuk memansuhkan *fatwa* tersebut, mengisytiharkan bahawa perkara tersebut ialah domain eksklusif mahkamah Syariah. Pada tahun 1996, Jawatankuasa Fatwa untuk Hal Ehwal Agama [mengeluarkan](#) satu *fatwa* yang menghalang Islam Shi'a daripada membawa masuk penganut baharu, disebarluaskan dan dianuti—yang telah diterima oleh sekurang-kurangnya 11 daripada 13 buah negeri. Pada tahun 1975, Majlis Fatwa Selangor mengeluarkan dekri bahawa komuniti Ahmadi adalah bukan penganut agama Islam. Pihak berkuasa Malaysia sering kali menuduh komuniti kepercayaan Islam mengancam kesatuan penganut agama Islam.

## Tekanan terhadap Kumpulan Minoriti Bukan Islam

Pada tahun 2019, pihak berkuasa tidak banyak mengambil tindakan untuk menangani serangan yang dilakukan sebelum ini ke atas kuil Hindu dan rumah ibadat komuniti kepercayaan minoriti lain. Ratusan kuil Hindu telah [dimusnahkan](#) oleh pihak berkuasa dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Rumah ibadat kepercayaan minoriti dikawal selia. Ahli komuniti kepercayaan melaporkan bahawa kuil Buddha dihadkan daripada dibina lebih tinggi daripada masjid tempatan dan gurdwara Sikh dilarang membina kubah, kerana kubah dikaitkan dengan seni bina Islam.

Sebanyak 31 perkataan terus diharamkan bagi orang bukan Islam atas dakwaan untuk melindungi ketenteraman awam. Pada bulan Ogos, Mahkamah Tinggi menolak rayuan atas penggunaan perkataan “Allah” di Sabah dan Sarawak. Sekatan bahasa ini sebahagian besarnya menjejaskan ahli komuniti Kristian, tetapi juga mengehadkan kebebasan bersuara bagi individu yang mengikut aliran Islam yang secara rasminya “terpesong”. Pihak berkuasa dan [pelakon masyarakat](#) sering kali [menggunakan](#) rasa takut terhadap “Pengkristianan” yang dibesar-besarkan untuk tujuan politik untuk meraih sokongan daripada komuniti Islam dan meningkatkan ketegangan antara kumpulan majoriti dan minoriti. Komuniti asli bukan Islam [mengadu](#) tentang pertukaran kepada agama Islam yang ditaja oleh kerajaan.

## DASAR UTAMA A.S.

Malaysia dan Amerika Syarikat mengekalkan ikatan dua hala yang kukuh. Amerika Syarikat ialah [rakan dagang ketiga terbesar](#) Malaysia serta terdapat banyak program pertukaran pendidikan dan budaya antara dua negara ini, termasuk program IVLP, yang setiap tahun sejak 2008 telah membawa peneraju pendidikan Islam ke Amerika Syarikat. Kerajaan A.S. Menyokong program pembinaan kapasiti bagi penguatkuasaan undang-undang Malaysia, serta kerjasama keselamatan dan latihan bagi tentera Malaysia. Pada bulan Oktober 2019, [Jabatan Keadilan](#) mengikat perjanjian dengan kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan skandal 1MDB yang menyaksikan kerajaan A.S. merampas lebih \$1 bilion hasil rasuah yang berpunca daripada bekas Perdana Menteri Najib Razak. Sepanjang tahun 2019, kerajaan A.S. terus menyokong usaha antirasuah dan peralihan demokratik kepada pakatan PH yang memerintah.